



**TEKS UCAPAN
YB DATO' EDDIN SYAZLEE BIN SHITH
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN
KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU
KEMENTERIAN KERJA RAYA 2020**

**5 SEPTEMBER 2020
DI RESTORAN
JEJANTAS SG. BULUH**

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya

YBhg. Datuk Azman Ismail
Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad

YBhg. Dato' Ahmad Nadzri bin Embong,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kerja Raya,

YBhg. Dato' Mohd Shafiq Bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Encik Hussain bin Moh
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Encik Nor Azli bin Mohd Nor Azian
Jabatan Penerangan Malaysia

Pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi -
agensi, tuan -tuan dan puan - puan yang dihormati
sekalian.

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bahagian I : Pendahuluan

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini untuk menyempurnakan **Majlis Pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu Peringkat Kementerian Kerja Raya**. Saya juga berharap kita semua di sini berada dalam keadaan sihat dan sentiasa mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) kesihatan termasuk penjarakan sosial sepanjang majlis ini berlangsung.

Bahagian II: Latar belakang Pembudayaan Norma Baharu

Hadiran yang dihormati.

2. Seperti yang semua maklum, pada Januari lalu, kita digemparkan dengan penularan wabak Covid-19 di negara kita. Wabak ini secara langsung telah memberi banyak kesan negatif dalam semua aspek kehidupan harian kita semua.

3. Seajar dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Malaysia telah mengambil langkah proaktif dalam usaha membendung penularan dan memutuskan rantai wabak ini, antaranya termasuk pengawasan kawalan sempadan yang ketat, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan memperkenalkan serta memperkasakan norma baharu dalam aktiviti harian.

4. Norma baharu atau kelaziman baru menjadi frasa yang sering disebut belakangan ini. Amalan norma baharu seperti kerap membasuh tangan, penjarakan sosial dan memakai topeng pelitup sangat penting sebagai bingkai pencegahan penyebaran Covid-19.
5. Meskipun jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia telah menyaksikan tren yang terkawal, rakyat tidak boleh alpa. ***‘Kita masih belum menang’!***
6. Covid-19 merupakan ancaman yang perlu diberi perhatian serius oleh rakyat Malaysia berikutan masih wujudnya kes-kes baharu. Oleh itu, masyarakat perlu terus mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan terhadap penyakit berjangkit ini dengan meneruskan amalan norma baharu dalam

kehidupan serta operasi seharian.

7. Dalam usaha berterusan kerajaan untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19, Kementerian Kerja Raya turut mengambil peranan melaksanakan langkah-langkah pencegahan sejak awal PKP dilaksanakan.

8. Ia menjadikan (SOP) sebagai amalan terbaik yang mampu menghalang penularan wabak COVID-19 di tapak pembinaan dan membolehkan projek-projek pembinaan diteruskan bagi memangkin pembangunan ekonomi negara. Ini penting memandangkan sumbangan besar sektor pembinaan yang mencatatkan purata nilai projek sebanyak RM140 billion setahun.

9. Dikesempatan ini, saya menyeru semua penggiat industri pembinaan agar terus mengambil tanggungjawab memastikan semua SOP dipatuhi disamping melaksanakan amalan norma baharu bagi menjamin keselamatan pekerja dan mengelak penularan jangkitan COVID-19 di tapak pembinaan serta kawasan persekitarannya.

10. Saya yakin pemain industri pembinaan tempatan mempunyai pematuhan yang tinggi terhadap SOP pencegahan Covid 19. Buktinya, hasil pemeriksaan 6,363 tapak yang dilaksanakan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bermula 20 April sehingga 2 Jun 2020, mendapati sebanyak 1,398 (22%) telah mula beroperasi, manakala 4,965 (78%) belum beroperasi.

11. Dari sejumlah 1,398 tapak yang telah beroperasi, sebanyak 1,118 (80%) didapati mematuhi SOP, sementara 272 (19%) didapati tidak patuh dan diberi amaran, manakala 8 tapak pembinaan telah diarah tutup. Teruskan usaha ini, ingat AMALKAN 3W iaitu Wash, Wear dan Warn. Bersama kita jayakan perang menentang Covid-19.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Bagi memastikan masyarakat terus mengamalkan SOP dalam usaha memerangi pandemik COVID-19, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Kompleks Sukan Pagoh baru-baru ini. Dengan membawa tema Bersama Hentikan Wabak COVID-19, kempen ini disasarkan kepada seluruh rakyat Malaysia bertujuan

meningkatkan kesedaran dan memperkasa komuniti untuk melindungi diri, keluarga dan komuniti masing-masing dalam usaha memerangi pandemik COVID-19 dan membudayakan norma baharu.

13. Sebagai sokongan berterusan kepada kempen dan usaha kerajaan, Kementerian Kerja Raya dan agensi di bawahnya pada hari ini akan melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu KKR 2020 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pematuhan SOP, kawalan sendiri serta amalan norma baharu COVID-19 dalam kalangan masyarakat khususnya pihak-pihak berkepentingan yang berurusan dengan KKR dan agensi di bawahnya. Usaha ini juga merupakan komitmen berterusan KKR kepada para petugas kesihatan dan penguatkuasa undang-undang dalam menyampaikan mesej secara konsisten dan berterusan.

14. Kempen Pembudayaan Norma Baharu Oleh KKR yang dilancarkan pada hari ini telah bermula sejak Ogos 2020 dan akan berlangsung sehingga Disember 2020 dengan pengisian pelbagai program/aktiviti seperti:

- (i) Kempen pembudayaan norma baharu dipaparan Iklan elektronik di seluruh Jalan Persekutuan dan Lebuhraya Konsesi di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
- (ii) Kempen pembudayaan norma baharu di paparan bercetak (banner) di seluruh Jalan Persekutuan;
- (iii) Kempen melalui perkongsian maklumat dan infografik berkaitan norma baharu kepada masyarakat dirangkaian media sosial rasmi kementerian dan agensi;
- (iv) Pemakluman berkaitan kempen norma baharu melalui alat siar raya kementerian setiap pagi; dan

- (v) Pelbagai siri ceramah/lunch talk oleh pengurusan tertinggi kementerian dan agensi berkaitan norma baharu dan impak Covid-19

15. Kementerian Kerja Raya juga ingin menyeru Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) untuk bersama membantu kerajaan dalam menjayakan kempen pembudayaan norma baharu di sepanjang lebuhraya dan R&R di seluruh Negara melalui pelbagai aktiviti serta program yang berbentuk kesedaran kepada pengguna lebuhraya dan R&R.

16. Insya-Allah kita akan bersama-sama menjayakan usaha kita dalam membendung penularan Covid-19 selama ini. Atas kesungguhan, komitmen, kesabaran, ketabahan dan keredaan, mudah-mudahan Allah SWT memberikan kebaikan kepada

semua.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,
saya melancarkan Kempen Pembudayaan
Norma Baharu KKR tahun 2020

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.